

Banjir Kelantan semakin pulih

KOTA BHARU – Keadaan banjir di Kelantan semakin reda apabila jumlah mangsa pemindahan banjir di negeri ini terus menurun kepada

1,247 orang membabitkan 347 keluarga malam tadi berbanding

1,327 orang pada sebelah petang.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir negeri berkata, sehingga malam tadi enam buah pusat pemindahan di Pasir Mas dan Tumpat masih beroperasi.

“Cuaca di Kelantan semakin baik apabila dilaporkan cerah di beberapa kawasan. Mangsa banjir pulang secara berperingkat sementara menunggu air yang menenggelami kawasan kediaman mereka surut sepenuhnya,” katanya.

Beliau berkata, paras air Sungai Golok di Rantau Panjang juga menurun kepada 10 meter, namun masih melebihi paras bahaya sembilan meter.

Jurucakap itu berkata, sehingga malam ini lima laluan di Pasir Mas dan Tumpat masih ditutup kepada kenderaan ringan.

“Di Pasir Mas, empat laluan ditutup iaitu Jalan Rantau Panjang-Panglima Bayu di Kilometer

INFO Talian kecemasan banjir

Majlis Keselamatan Negeri
Kelantan **09-7481173**

10; Jalan Banggol Kulim Lokasi 2, Kilometer 1; Jalan Pengkalan Rakit, Kilometer 3 dan Jalan Pohon Tanjung-Rantau Panjang (Jalan Lama) Kampung Siram Kilometer 3.

“Satu laluan ditutup di Tumpat iaitu Jalan Cabang 4/Kampung Jambu/Meranti di Kilometer 3,” katanya.

Di **Terengganu**, kesemua 26 mangsa banjir terakhir yang berada di pusat pemindahan Kuala Terengganu, dibenarkan pulang ke rumah masing-masing, petang semalam.

Jurucakap Majlis Keselamatan Negara negeri berkata, enam keluarga yang dipindahkan ke Sekolah Kebangsaan Bukit Guntong, di sini dibenarkan pulang ke rumah masing-masing pada pukul 4 petang.

Banjir musim tengkujuh melanda beberapa daerah di Terengganu Ahad lalu setelah hujan lebat berterusan selama beberapa hari sebelum itu.



SEORANG penduduk terpaksa memegang tali bagi mengelaknya di hanyut air deras di Kampung Dardap, Pengkalan Kubor semalam.